

12 APR 2000

Abdullah-Gua Musang

MESYUARAT UMNO BAHAGIAN GUA MUSANG SAH

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Jawatankuasa Pengurusan Umno akan mengkaji dahulu laporan Umno Bahagian Gua Musang sebelum menentukan kesahihan keputusan mesyuarat perwakilan bahagian itu menyerahkan kepada jawatankuasanya untuk menamakan calon-calonnya bagi jawatan naib presiden dan anggota Majlis Tertinggi parti bagi pemilihan Umno Mei ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Umno berkata, persidangan perwakilan bahagian Gua Musang pada 31 Mac lepas bagaimanapun adalah sah.

"Mesyuarat Gua Musang sah, cuma pencalonan (untuk tiga jawatan naib presiden dan anggota-anggota Majlis Tertinggi) sahaja ia tak buat," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu di sini malam ini.

Bagaimanapun mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno yang berlangsung kira-kira tiga jam itu, tidak membincangkan mengenai keputusan mesyuarat perwakilan Gua Musang itu.

"Kita tak ada bincang hal Gua Musang. Ia tak timbul sebab tak ada sebarang laporan yang kita terima dan Umno Bahagian Gua Musang pun tak kemukakan apa-apa maklumat atau permintaan," katanya.

Pada mesyuaratnya itu, Bahagian Gua Musang dilaporkan hanya membuat pencalonan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, dengan menamakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai calon presiden dan Abdullah untuk timbalan presiden.

Abdullah berkata ibu pejabat Umno setakat ini hanya mengetahui melalui laporan akhbar bahawa persidangan perwakilan Umno bahagian Gua Musang telahpun diadakan tetapi mereka tidak membuat pencalonan untuk jawatan naib presiden dan MT.

"Mereka tidak buat pencalonan...mereka ambil jalan menyerahkan kepada jawatankuasa bahagian dan pada waktu ini, bahagian (Gua Musang) tidak ada apa-apa 'response' pun. Jika tak mahu juga buat pencalonan, maka kita kira tak adalah," katanya.

Beliau juga mengingatkan semua bahagian Umno supaya memaklumkan kepada ibu pejabat parti mengenai keputusan yang diambil, sekurang-kurangnya mengenai siapa yang menjadi anggota perwakilan ke Perhimpunan Agung nanti.

Ketika ditanya jika ibu pejabat akan menerima jika bahagian Gua Musang membuat pencalonan kemudian, Abdullah berkata: "Saya tak mahu buat spekulasi...bila ia kemukakan kepada kita, kita tengoklah dan jika perlu keputusan dibuat, kita akan buat."

Beliau berkata mesyuarat hari ini memutuskan bahawa Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, yang juga naib presiden Umno, diberi tugas untuk merangka usul-usul yang akan dibentang dan dibahaskan pada perhimpunan agung nanti.

Katanya, mengikut prosedur biasa, Najib akan mengemukakan usul-usul itu kepada MT terlebih dahulu untuk diputuskan.

Beliau berkata selain itu Jawatankuasa Pengurusan juga menghalusi persediaan berkaitan perhimpunan agung seperti proses pengundian serta tenaga yang akan membantu semasa pengundian dijalankan dan pengiraan undi.

Abdullah berkata beberapa perkara berkaitan pentadbiran turut dibincangkan yang memerlukan takrif MT berkaitan peraturan mesyuarat seperti jumlah pencalonan yang diperlukan bagi seseorang layak untuk bertanding merebut jawatan Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Umno.

Beliau akan membawa perkara itu kepada mesyuarat MT akan datang kerana perlembagaan parti tidak menyatakan jumlah pencalonan yang diperlukan bagi kedua-dua jawatan itu yang bukan sebahagian jawatan MT.

Turut dibincangkan, katanya, ialah kelayakan untuk memegang jawatan dan

menjadi anggota perwakilan, sama ada syarat yang dikenakan bahawa seseorang itu mestilah telah lebih dua tahun menjadi anggota parti sebelum dibolehkan memegang jawatan terpakai juga untuk anggota yang sudah dipecat dan diterima masuk semula.

"Soalnya, adakah ini peruntukan bagi orang yang baru menjadi ahli atau dikenakan juga kepada orang yang pernah dipecat, dibuang keahliannya tetapi diambil masuk semula dan sama ada yang diambil masuk semula itu dianggap sebagai ahli baru atau ahli lama yang tidak putus keahliannya," katanya.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob ketika diminta menjelaskan perkara itu, berkata ia timbul bukan kerana ada sebarang kes berkaitan tetapi keputusan diperlukan daripada MT sebagai persediaan ibu pejabat Umno untuk meneliti nama anggota perwakilan ke perhimpunan agung parti kelak.

-- BERNAMA

MNY MAI